

Wanita 60 tahun usahakan bendang guna aplikasi mudah alih - Mat Sabu

Hazwan Faisal Mohamad dan Essa Abu Yamin - Ogos 16, 2023 @ 8:09pm
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Mohamad Sabu (dua dari kiri) melawat ruang pameran pada Majlis Penutupan Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia (UPM), hari ini. - BERNAMA

SERDANG: Ada petani wanita sudah berusia 60 tahun, namun boleh mengendalikan jentera di bendang hanya dengan menggunakan aplikasi mudah alih.

Mendedahkan demikian, Menteri Pertanian dan Kerterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata wanita itu mengusahakan sawah di China melalui sistem pertanian moden.

"Memang kita dapat lihat anak muda tak mahu ceburi bidang pertanian kerana pendapatannya lambat untuk dinikmati, kalau dapat pun, taklah begitu tinggi. Tapi sekarang, kita lihat pertanian moden, ramai mahu ceburi.

"Misalnya di China, petani wanita berumur 60 tahun, boleh mengendalikan jentera di bendangnya dengan menggunakan aplikasi mudah alih sahaja. Kita kini sedang ke arah itu dengan bantuan dan kepakaran daripada pelbagai pihak, termasuk universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Pada majlis itu, Mohamad turut menerima Resolusi Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 hasil perbincangan pakar serta pemegang taruh dalam persidangan dua hari itu.

Program berkenaan menghimpunkan lebih 400 peserta dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, usahawan dan komuniti bagi membincangkan hala tuju dasar pertanian dan sekuriti makanan negara.

Sementara itu, Mohamad berkata, kementeriannya memfokuskan empat dimensi keterjaminan makanan yang merujuk kepada Food and Agriculture Organization (FAO).

Empat dimensi itu, katanya, membabitkan ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampunan yang selari dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Perkara ini memberikan cabaran kepada kementerian untuk memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa panjang. Sistem makanan negara perlu diperkukuhkan supaya lebih mampan bagi persediaan menangani ancaman krisis makanan global ketika ini.

"Saya telah menggariskan lima hala tuju dan fokus utama kementerian mulai 2023 supaya negara mempunyai sumber makanan yang lestari," katanya menambah, hala tuju pertama memperkuatkan sektor akuakultur.

Sasaran hala tuju pertama itu, katanya, adalah meningkatkan hasil ikan daripada aktiviti akuakultur sehingga mencapai 60 peratus Tahap Sara Diri (SSL).

"Kedua, memperluaskan penternakan lembu dengan kaedah fidlot bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan dan eksport, meningkatkan sasaran pengeluaran daging tempatan kepada 50 peratus SSL menjelang 2025.

"Ketiga, memulakan usaha penanaman jagung bijian untuk mengurangkan kebergantungan import sebanyak 30 peratus dalam tempoh 10 tahun ini. Hala tuju keempat, meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar.

"Hala tuju kelima, memperkuat institut latihan pertanian untuk melahirkan belia berkemahiran dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D). Selain itu meneroka pertanian moden dan pintar bagi memastikan kelestarian keselamatan makanan terjamin," katanya.

Mengenai resolusi yang diterimanya, Mohamad berkata, ia sememangnya bersesuaian dan sejajar dengan kehendak kementerian.